

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N27 PENGKALAN KOTA

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, dan Salam Madani.

Terlebih dahulu, izinkan saya untuk merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat perbahasan walaupun dalam waktu yang singkat.

Dewan yang mulia,

Dalam ucapan perbahasan saya, terdapat satu perkara yang saya ingin utarakan yang begitu dekat dengan saya.

Bergerak terus kepada satu perkara tersebut dengan kata kunci, pemerksaan golongan mahasiswa di negeri Pulau Pinang. Tuan Yang Dipertua, pada 31 Januari 2023, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang diterajui oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Seri Khaled Nordin, telah menyampaikan amanat tahun baharu kementerian tersebut dan telah menggariskan 11 fokus pendidikan tinggi, yakni harapan dan masa depan KPT. Suka saya utarakan 3 daripada 11 fokus tersebut yang saya nilai relevan iaitu

- I) Fokus 4: Memperkukuh kekuatan sumber intelektual Malaysia,
- II) Fokus 6: Memperkukuh peranan Malaysia sebagai “the lynchpin” untuk menarik kedatangan pelajar, penyelidik dan bakat global, dan
- III) Fokus 11: Pemerksaan mahasiswa. Saya menilai bahawa pengumuman daripada KPT ini adalah satu perkembangan yang positif dan mesti diraikan oleh semua pihak, termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang dinamik dari segi pendidikan tinggi. Negeri ini memiliki pelbagai institusi pendidikan tinggi awam dan swasta termasuk Universiti Sains Malaysia, Universiti Kolej Komunikasi Han Chiang, Wawasan Open

University, dan sebagainya. Sebagai simbol komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap seruan oleh KPT ini, saya percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu turut serta memberi sokongan kepada usaha pemerksaan golongan mahasiswa di negeri Pulau Pinang. Bentuk-bentuk pemerksaan yang ingin dicadangkan termasuklah subsidi pengajian tinggi, biasiswa untuk golongan pelajar susah, dan juga program pertukaran pelajar peringkat antarabangsa dengan jaringan antarabangsa yang wujud untuk Pulau Pinang. Melalui usaha-usaha ini, kita dapat menjadikan Pulau Pinang satu hub sebenar untuk pendidikan tinggi yang berkualiti. Di samping itu, golongan mahasiswa di Pulau Pinang juga akan mendapat lebih banyak peluang untuk mengembangkan potensi mereka seterusnya memiliki peluang yang lebih cerah apabila mereka bergraduasi kelak. Kewujudan graduan dan mahasiswa yang berkualiti tinggi akan menjadi aset yang bermakna untuk pembangunan negeri Pulau Pinang kita.

Dewan yang mulia,

“University is the safest place to fail”. Universiti adalah peluang terbaik untuk golongan belia kita benar-benar terjun dalam alam sebenar dengan dinamik dan berani. Aktivisme, intelektualisme, dan perluasan jaringan adalah diperlukan bagi melahirkan golongan mahasiswa belia yang serba boleh dan bersedia untuk masa hadapan. Amat wajar untuk negeri Pulau Pinang “melabur” untuk kapasiti yang ada ke dalam kumpulan bakat atau *“talent pool”* yang begitu dinamik ini. Satu contoh program pemerksaan yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mahasiswa ialah program sukarelawan mahasiswa. Terdapat unit Sukarelawan Belia Pulau Pinang oleh kerajaan negeri dan kita boleh belajar atau *“emulate”* program yang dianjurkan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa menggunakan kapasiti yang sedia ada. Dengan program sebegini, ia dapat memberi nilai tambah yang holistik untuk golongan mahasiswa yang menceburi bidang ini. Kita boleh wujudkan pelbagai program sukarelawan di peringkat tempatan dan antarabangsa agar kita kembali kepada fitrah mahasiswa yang “dari rakyat, untuk rakyat” sekali gus menyahut seruan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Oleh itu, saya berharap agar cadangan ini dapat diterima dan dibahaskan. Dalam situasi ekonomi semasa yang memperlihatkan golongan graduan semakin bergelut dengan ekonomi yang terjejas, amat wajar kita segera fokus kepada pemerksaan golongan mahasiswa agar barisan graduan kita bersedia dan diperkasakan untuk hadapi masa hadapan dan menyumbang kembali kepada masyarakat.

Sekian terima kasih.

Arief Ferdaus Bin Azmi
N27 Pengkalan Kota
Sidang Muda 2022/23

